

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

“ORANG kaya yang bersyukur adalah orang berbahagia. Tanda dan rasa bersyukur itu ialah dengan menggunakan hartanya di jalan-jalan kebajikan, antara lain yang paling dituntut ialah dengan mengeluarkan zakat.”

- Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 1428 Hijriah / 2007 Masihi pada 1 Syawal 1428 bersamaan 12 Oktober 2007.



مانیسٹ ایمان

MANISNYA IMAN

“AMBILLAH sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka dari dosa dan menyucikan mereka dari akhlak yang buruk.”
(Surah At Taubah ayat 103).

TAHUN 58 / BILANGAN 143

23 NOVEMBER 2013 / 1435 محرم 19

EDISI SABTU / PERCUMA

Belia peneraju kepimpinan masa depan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Mohd. Zul-izzi Haji Duraman,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Para belia di seluruh dunia masa kini terus berhadapan dengan pelbagai cabaran, di antaranya dalam persaingan untuk mendapatkan pekerjaan.

Isu pengangguran, jika tidak ditangani secara bersepadu, akan mungkin saja menyebabkan kestabilan sesebuah negara turut terganggu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-8, 2013, berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, menurut jangkaan daripada pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada tahun 2009, jumlah pengangguran belia adalah 76 juta dan itu adalah sebelum krisis kewangan melanda dunia.

Anggaran berkenaan jelas baginda menurun kepada 72 juta sebaik sahaja ekonomi kembali pulih pada tahun 2011, walau bagaimanapun jumlah pengangguran dalam kalangan belia adalah dijangka meningkat pada tahun ini kepada 73 juta.

“Negara kita tidak terkecuali dari mengalami perkara yang sama, di mana seramai lebih kurang 18 ribu belia adalah dalam kategori mencari pekerjaan,” titah baginda.

Menyedari akan hakikat itu baginda menjelaskan, kerajaan melalui badan khas, akan terus mengambil langkah-langkah perlu bagi menangani perkara ini antaranya, akan terus melengkapkan para belia dengan ilmu dan kemahiran.

Ke muka 24

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Persatuan Belia kepada Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam yang diterima oleh wakilnya Awang Mohd. Hazrin bin Daud dengan menerima wang tunai BND5,000 berserta plak dan sijil penghormatan. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Tingkatkan usaha tangani masalah pengangguran

Assalamu'alaikum
Waharhamatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin Wa'ala 'Alihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, hari ini kita dapat bersama-sama lagi berkumpul dalam perhimpunan sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Kelapan. Beta sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia Kebangsaan 2013 kepada semua para belia di Negara Brunei Darussalam.

Untuk mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia, kerana belialah bakal peneraju kepimpinan di masa akan datang. Merekalah perancang dan penggerak satu-satu pembangunan. Makanya belia itu menjadi tumpuan dan perhatian dalam perbincangan-perbincangan serantau dan antarabangsa.


Pada masa ini, para belia di seluruh dunia terus berhadapan dengan pelbagai cabaran, di antaranya dalam persaingan untuk mendapatkan pekerjaan. Isu pengangguran, jika tidak ditangani secara bersepadu, akan mungkin saja menyebabkan kestabilan sesebuah negara turut terganggu.

Menurut jangkaan daripada pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), pada tahun 2009, jumlah pengangguran belia adalah 76 juta. Itu adalah sebelum krisis kewangan melanda dunia. Anggaran ini turun kepada 72 juta sebaik sahaja ekonomi kembali pulih pada tahun 2011. Walau bagaimanapun jumlah pengangguran di kalangan belia adalah dijangka meningkat pada tahun ini kepada 73 juta.

Negara kita tidaklah terkecuali dari mengalami perkara yang sama, di mana seramai lebih kurang 18 ribu belia adalah dalam kategori mencari pekerjaan.

Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan beta melalui sebuah badan khas, akan terus mengambil langkah-langkah perlu bagi menangani perkara ini. Di antaranya akan terus melengkapkan para belia dengan ilmu dan kemahiran. Beta sangat gembira, kerana sekolah-sekolah vokasional, baik yang di pihak kerajaan mahupun swasta telah banyak menawarkan pelbagai bidang kemahiran untuk diteroka oleh para belia.

Namun begitu, cabaran lain juga adalah sedia menunggu, iaitu terdapatnya ketidaksepadanan atau *mismatch* dalam pasaran buruh, dari aspek pembekalan (*supply*) dengan permintaan (*demand*) yang juga banyak menyumbang kepada terjadinya pengangguran. Kerana itu, beta menyeru kepada semua pihak yang berkaitan untuk meningkatkan lagi usaha dan strategi dalam kerjasama membangun kapasiti para belia dan menyediakan persekitaran yang kondusif,



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2013 pada hari Rabu, 16 Muharam 1435 Hijriah bersamaan 20 November 2013 Masihi, bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

bagi memperkembangkan lagi langkah menangani masalah pengangguran.

Dalam waktu yang sama para belia perlu menukar *mindset* ke arah perubahan sikap, di mana mereka tidak akan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan. Para belia semestinya lebih bersedia untuk merebut peluang di sektor swasta dan di bidang keusahawanan.

Beta tertarik dengan tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini iaitu: 'Belia Menuju Wawasan'. Belia Menuju Wawasan sewajarnya mempunyai jati diri yang kental, berakhlak mulia serta bertanggungjawab. Belia Menuju Wawasan selayaknya mempunyai sikap dan pendirian yang teguh dalam mendukung semua usaha yang baik.

Ke arah menuju wawasan negara golongan belia perlulah peka dengan cabaran-cabaran yang dicituskan oleh keadaan sekeliling, khususnya mereka perlu menyedari, bahawa budaya terlalu suka berseronok adalah berpotensi membawa kepada keruntuhan.

Masa kini, kita sedang bergerak ke arah pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syar'iah. Beta berharap para belia tidak

ketinggalan untuk mendukungnya. Kewajipan mereka juga termasuk, untuk memahami dan mendalami serta mengetahui pengertian-pengertian yang terkandung di dalamnya. Dengan demikian itu para belia akan menjadi golongan yang lebih matang dalam perkara ini.

Dalam bidang kerja-kerja sukarelawan, beta sungguh bangga kerana ramai para belia kita terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan, baik di dalam mahupun di luar negara. Lebih-lebih lagi Negara Brunei Darussalam telah mempelopori 'ASEAN Young Professional Volunteer Corps' untuk memberikan khidmat sukarelawan di dalam pelbagai bidang kepada masyarakat dalam Negara-Negara Ahli yang memerlukan.

Budaya sukarelawan ini sangat elok, kerana ia bukan saja dapat meningkatkan perpaduan dan persefahaman, malahan juga boleh mendatangkan pahala.

Beta berharap semua langkah-langkah yang berkebjakan ini akan terus diperkasakan sehingga mencapai kecemerlangannya.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Waharhamatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

23 NOVEMBER 2013 BERSAMAAN 1435 محرم 19

BELIA PERLU MILIKI WAWASAN, UBAH 'MINDSET' DALAM MENCARI PEKERJAAN

TIDAK disangkalkan lagi belia merupakan tulang belakang kemajuan dan peneraju pembangunan masa depan negara, di samping menjadi generasi pengganti kepimpinan yang ada pada masa ini. Justeru, mereka perlu mempunyai wawasan yang mapan dengan dilengkapi jati diri yang kental, berakhlak mulia serta bertanggungjawab. Semua itu menjadi nadi yang sangat berguna agar belia kitani tidak terpesong kepada agenda yang tidak berfaedah malah merugikan negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak awal lagi menyedari betapa pentingnya menangani isu-isu belia dengan menerapkan mereka ke arah model insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat mahupun bangsa dan negaranya.

Sehubungan dengan itu, tema sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8 iaitu 'Belia Menuju Wawasan' dilihat sangat tepat pada masanya sebagai satu suntikan semangat ke warga belia yang melangkah untuk merealisasikan harapan dan cita-cita negara. Itulah sebabnya, para belia perlu cekal menghadapi cabaran-cabaran yang dicituskan oleh keadaan sekeliling dengan ketabahan dan berpendirian yang teguh.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah untuk mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia, kerana belialah bakal peneraju kepimpinan di masa akan datang.

"Merekalah perancang dan penggerak satu-satu pembangunan, makanya, belia itu menjadi tumpuan dan perhatian dalam perbincangan-perbincangan serantau dan antarabangsa", titah baginda pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8, di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, pada 20 November lalu.

Namun, lebih kurang 18 ribu belia di negara ini menghadapi cabaran mencari pekerjaan dan perlu ditangani secara bersepadu bagi mengelakkan isu pengangguran terus meningkat.

"Kerajaan beta melalui sebuah badan khas, akan terus mengambil langkah-langkah perlu bagi menangani perkara ini. Di antaranya, akan terus melengkapkan para belia dengan ilmu dan kemahiran", titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melahirkan rasa gembira atas langkah sekolah-sekolah vokasional kerajaan dan swasta yang banyak menawarkan pelbagai bidang kemahiran untuk diteroka oleh para belia.

Dalam masa yang sama, terdapatnya ketidaksepadanan (*mismatch*) dalam pasaran buruh, dari aspek pembekalan dengan permintaan juga banyak menyumbang kepada terjadinya pengangguran.

Oleh itu, baginda bertitah agar semua pihak yang berkaitan untuk meningkatkan lagi usaha dan strategi dalam kerjasama membangun kapasiti belia dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memperkembangkan lagi langkah menangani masalah pengangguran.

Dalam masa yang sama, para belia perlu menukar 'mindset' ke arah perubahan sikap agar tidak terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan. Inilah masanya para belia lebih bersedia untuk merebut peluang di sektor swasta dan di bidang keusahawanan. - **Ketua Penyuntingan (Sj).**

Belia Menuju Wawasan



MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di Akhirat.

Dalam membangun dan memajukan negara, kita memerlukan kepada sumber tenaga manusia yang berkualiti dan kemahiran tinggi. Antara sumber tenaga manusia yang sangat berharga bagi negara ialah golongan belia. Belia adalah salah satu aset negara yang sangat berharga, merekalah yang akan menjadi tonggak kekuatan negara sebagai pewaris kepimpinan di masa depan, mereka perlu diasuh, dididik dan dibimbing di jalan yang betul agar menjadi manusia generasi berilmu, beriman, beramal, bertaqwa dan berakhlak mulia kerana dengan demikian sahajalah akan dapat melahirkan belia yang menjadi sumber tenaga yang mampu menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 97, tafsir-Nya: *"Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik, dan Kami sudah tentu akan membalas mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan."*

Belia ialah golongan yang berada di dalam

lingkungan umur lima belas tahun hingga empat puluh tahun. Di negara kita, belia merupakan lima puluh peratus daripada jumlah penduduk negara ini. memandangkan jumlah tersebut separuh dari penduduk di negara ini, maka amat wajar golongan ini dididik dan dibimbing menjadi generasi belia yang mempunyai wawasan dan cintakan negara. Ini bertepatan dengan tema sambutan hari belia kebangsaan pada tahun ini iaitu 'Belia Menuju Wawasan'. Tema tahun ini bukan sekadar suatu tema semata-mata tetapi apa yang lebih utama ialah bagaimana para belia itu menuju kepada wawasan tersebut.

'Menuju Wawasan' mempunyai pengertian yang luas dan pelbagai. Wawasan bermaksud cita-cita negara atau hala tuju negara atau sasaran negara. Secara lebih luas lagi ia merupakan satu panduan yang menetapkan satu sasaran negara yang harus dicapai dalam suatu tempoh masa tertentu. Di dalam konteks ini, wawasan di sini merujuk kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu hasrat ke arah pembentukan sebuah negara zikir, hasrat mencapai wawasan 2035, hasrat di dalam membangunkan sumber tenaga manusia (belia) di dalam bidang keusahawanan dan hasrat ke arah penghayatan konsep Melayu Islam Beraja.

Apabila digabungkan kedua-duanya, tema ini membawa maksud belia atau golongan belia yang bergerak secara aktif di dalam mencapai atau menepati cita-cita negara atau hala tuju negara iaitu ke arah Negara Zikir, Wawasan 2035, usahawan belia dan Melayu Islam Beraja sebagai teras kehidupan berbangsa dan bermasyarakat. Adalah menjadi tugas semua pihak dan agensi yang terlibat untuk sama-sama membina dan menyediakan perantaraan yang kukuh dan patuh bagi memberikan kesedaran dan kefahaman kepada semua masyarakat amnya dan kepada para belia khususnya mengenai hasrat-hasrat yang ingin dicapai.

Seandainya para belia di negara ini mempunyai wawasan, sudah pasti belia tersebut adalah belia yang hebat dan seterusnya menjamin kemakmuran dan kemajuan negara di masa hadapan.

Berdasarkan sejarah Islam, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selain sebagai pemimpin umat, baginda adalah seorang ketua negara yang memberi penekanan khusus dalam membimbing belia agar sentiasa taat beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala, taat kepada pemimpin, sayang kepada negara, berakhlak mulia, menjaga kesihatan akal, kebersihan jasmani dalam semua sudut yang membawa

SEBAGAI belia Islam hendaklah mengukuhkan ilmu bukannya hanya dalam bidang akademi semata-mata, tetapi hendaklah juga mengukuhkan ilmu yang berkaitan tentang kehidupan dan negara, supaya ilmu itu mampu diaplikasikan bagi memelihara kedaulatan agama Islam, bangsa dan negara tercinta. Ingatlah bahawa tanggungjawab untuk mempertahankan agama Islam adalah amanah yang mesti dilaksanakan oleh setiap umat termasuklah dari golongan belia. Buktikanlah pada negara bahawa belia Islam adalah belia yang terbaik, mampu menjadi contoh dan layak untuk memimpin negara di masa hadapan.

kepada kesempurnaan persediaan. Bimbingan ini akan mencorakkan jati diri belia itu sendiri agar bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara dan seterusnya menyediakan belia yang dikagumi Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadith, maksudnya : *"Dari Uqbah bin 'Amir katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah Azzawajala sangat kagum kepada pemuda yang tidak ada padanya kelakuan pelik dan menyeleweng."* - Riwayat Al-Imam Ahmad.

Sejarah juga telah membuktikan bahwa generasi muda di zaman Khalifah Ar-Rasyidin adalah generasi yang hebat serta menjadi pemimpin tentera, dan pemimpin kerajaan di zamannya juga bertindak sebagai pemimpin negara. Mereka inilah sepatutnya dijadikan contoh teladan kepada masyarakat khususnya para belia.

Antara contoh kehebatan belia di zaman Kerajaan Umaiyah ialah tentang kegigihan tentera Islam sejak Kerajaan Umaiyah, Abassy'ah dan Uthmaniah Turki untuk menawan Kota Istanbul, walaupun pada mulanya gagal, akan tetapi telah berjaya pada akhirnya menawan semula Kota Istanbul daripada

Rome. Antara penyebab kejayaan tersebut ialah tertanamnya kegigihan para belia tersebut dan kesetiaan mereka kepada pemimpin serta semangat cintakan negara. Di samping itu, kekuatan rohani juga tidak dapat dipisahkan dalam diri mereka sebagai pemimpin.

Syeikh Dr. Yusof Al-Qhardawi menyatakan: *"Apabila kita hendak melihat wajah sesebuah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda hari ini adalah daripada kalangan berakhlak, tentunya sesebuah negara itu akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur, tetapi jika keadaan negara itu adalah sebaliknya. Maka bersedialah berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku."*

Justeru, tidak syak lagi bahawa corak tingkah laku golongan belia masa kini merupakan cermin masa depan sesebuah negara. Golongan belia begitu penting dalam membawa perubahan daripada negatif kepada positif, lemah kepada kuat, mundur kepada maju dan terbaik kepada cemerlang.

Sebagai belia Islam hendaklah mengukuhkan ilmu bukannya hanya dalam bidang akademi semata-mata, tetapi hendaklah juga mengukuhkan ilmu yang berkaitan tentang kehidupan dan negara, supaya ilmu itu mampu diaplikasikan bagi memelihara kedaulatan agama Islam, bangsa dan negara tercinta. Ingatlah bahawa tanggungjawab untuk mempertahankan agama Islam adalah amanah yang mesti dilaksanakan oleh setiap umat termasuklah dari golongan belia. Buktikanlah pada negara bahawa belia Islam adalah belia yang terbaik, mampu menjadi contoh dan layak untuk memimpin negara di masa hadapan.

Marilah kita berdoa mudah-mudahan generasi belia negara kita sentiasa diberikan taufiq hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya berjaya memainkan peranan bagi pembangunan negara dan bangsa yang maju dan dihormati serta dikasihi dan diredhai Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin ya rabbal'alamiin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi ayat 10, tafsir-Nya: *"Ingatlah ketika pemuda-pemuda itu berlindung di dalam gua lalu mereka berdoa: Ya Tuhan kami! Kurniakanlah rahmat dari sisi-Mu dan sempurnakan bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami."*

Belia Menuju Wawasan perlukan sinergi

Oleh : Abdullah Asgar, Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazrin bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan

Hari Belia Kebangsaan 2013. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sambutan bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat

Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim yang juga membaca doa selamat.

Dalam sembah alu-aluan oleh Menteri KBS, menjelaskan, tema sambutan tahun ini 'Belia Menuju Wawasan' adalah merupakan sebagai pernyataan komitmen golongan belia untuk sama-sama memberikan sumbangan dan pengorbanan mengikut kapasiti dan keupayaan mereka baik secara persorangan mahupun berkumpulan ke arah pencapaian wawasan negara.

Yang Berhormat berkata, tema 'Belia Menuju Wawasan' adalah sangat bertepatan dengan titah berkenan Kebawah DYMM bagi pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini yang mana wawasan yang dituju itu bukan sahaja untuk membentuk sebuah Negara Zikir, mendukung konsep Melayu Islam Beraja dan melahirkan sebuah masyarakat cemerlang dan menyumbang kepada pembangunan negara bagi mencapai matlamat Wawasan Negara 2035.

"Ia juga untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan tetapi juga bagi golongan belia di negara ini mendokong dan menaati hasrat Kebawah DYMM pada melaksanakan undang-undang syariah di negara tanpa sebarang kewahaman dan keraguan," tambah Yang Berhormat.

Menurutnya, untuk melahirkan 'Belia Menuju Wawasan' memerlukan sinergi dan kerjasama padu daripada semua pihak, insya-Allah kerjasama yang sedia ada daripada rakan kongsi di semua peringkat iaitu agensi-agensi kerajaan, sektor awam, badan-badan bukan kerajaan dan juga masyarakat akan dipertingkatkan dan dimantapkan lagi ke arah membangun dan mengembangkan potensi golongan belia bagi memperkasa keupayaan mereka menuju wawasan.

Sejurus selepas majlis pengumuman titah, majlis diikuti dengan bacaan Ikrar Belia oleh Awangku Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dari Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) dan johan qari belia ASEAN 2011.

Persembahan Belia Menuju Wawasan oleh lebih 100 belia terdiri dari para pelajar, persatuan belia, Kadet Tentera, Kadet Polis, Program Khidmat Bakti Negara, Kadet Bomba dan pelajar dari pendidikan teknik dan vokasional menyerahkan lagi majlis.

Sambutan kemuncak ialah baginda berkenan menyampaikan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2013.

Anugerah Persatuan Belia dianugerahkan kepada Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam yang diterima oleh wakilnya Awang Mohd. Hazrin bin Daud dengan menerima wang tunai BND5,000 berserta plak, dan sijil penghormatan.

Anugerah Pemimpin Belia Berjasa diberikan kepada Awang Haji Badar bin Haji Ali yang menerima wang tunai BND3,000 berserta plak, kain tenunan dan sijil penghormatan dan Anugerah Khidmat Belia diterima oleh Dayang Khairunnisa binti Awang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bergambar ramai bersama para penerima anugerah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Awang Haji Badar bin Haji Ali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Belia Cemerlang kepada Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah (kiri), manakala gambar kanan baginda berkenan mengurniakan Anugerah Khidmat Belia kepada Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari dari Majlis Belia Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pasambah.

Bersyukur atas pengiktirafan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 November. - Para penerima anugerah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2013 kesemuanya melahirkan rasa syukur dan bangga serta mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa pemilihan kerana kesepakatan dalam memilih mereka sebagai penerima.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama penerima Anugerah Persatuan Belia Cemerlang, Awang Mohd. Hazrin bin Daud, wakil dari Majlis AIDS Brunei Darussalam melahirkan rasa

syukur dan berpuas hati dengan penganugerahan yang diterima oleh persatuan berkenaan.

Katanya, hampir 11 tahun persatuan itu ditubuhkan, inilah hari yang bersejarah bagi Majlis AIDS Brunei Darussalam kerana diberikan anugerah yang amat tinggi nilainya setelah selama ini memberikan program kesedaran mengenai penghidap HIV dan AIDS khususna dan kepada orang ramai secara amnya.

Tambahnya, dengan penganugerahan tersebut akan dapat

meningkatkan lagi semangat kepada semua ahli Majlis AIDS Brunei Darussalam, dan sebelum ini persatuan juga pernah mendapat penghargaan di luar negara.

Beliau seterusnya menyeru kepada para belia yang belum menjadi ahli kepada mana-mana persatuan di negara ini supaya segera untuk mendaftar menjadi ahli kerana tenaga dan pemikiran mereka diperlukan untuk mengharumkan nama negara dan bangsa.

Manakala penerima Anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Awang

Haji Badar bin Haji Ali juga melahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas penganugerahan yang diberikan.

Beliau merupakan seorang Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara Brunei Darussalam menjelaskan, dirinya telah terlibat dalam Persatuan Pengakap lebih 30 tahun lalu sejak awal tahun 70-an, bermula daripada seorang ahli pengakap biasa hinggalah menjadi Ketua Pesuruhjaya Pengakap.

Katanya, sebagai ketua setentunya akan membuat beberapa

program yang lebih bermanfaat bagi kemajuan dan perkembangan Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, penerima Anugerah Khidmat Belia, Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari juga melahirkan rasa syukur atas penganugerahan yang diterimanya.

Menurut Dayang Khairunnisa, setelah beberapa tahun terlibat dengan kegiatan dan kerja sukarelawan, anugerah ini merupakan pengiktirafan yang pertama sejak mula berkhidmat dalam bidang sukarelawan dan beliau juga amat berbangga kerana dapat menyumbangkan khidmat sukarelawan kepada negara dan bangsa.

Manakala itu, Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah iaitu penerima Anugerah Belia Cemerlang pula menjelaskan bahawa, kegiatan yang beliau lakukan ialah dengan membuka Kelas Tausyeh di Kuala Belait yang mana para pesertanya terdiri dari para belia yang sangat aktif dalam menayakan kegiatan tersebut.

Beliau yang menyertai Musabqah Hafazan Al-Qur'an di Morocco dalam Kategori 2 Juzuk setengah berserta lagu pada tahun 2010 lalu itu merupakan antara salah seorang kumpulan pertama pelajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berjaya menghafaz 30 Juzuk Al-Qur'an.



PENERIMA Anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Awang Haji Badar bin Haji Ali juga melahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas penganugerahan yang diberikan.



PENERIMA Anugerah Belia Cemerlang, Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah.



ANUGERAH Persatuan Belia yang dianugerahkan kepada Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam yang syukur atas wakilnya, Awang Mohd. Hazrin bin Daud.



PENERIMA Anugerah Khidmat Belia, Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari juga melahirkan rasa syukur atas penganugerahan yang diterimanya.

Haji Ash'ari dari Majlis Belia Brunei dengan menerima wang tunai BND3,000 berserta plak, kain tenunan dan sijil penghormatan.

Anugerah Belia Cemerlang pula diterima oleh Awang Mohamad Hashim bin Haji Abdullah yang juga menerima wang tunai BND3,000 berserta plak, kain tenunan dan sijil penghormatan.

Kebawah DYMM sebelum berangkat pulang telah berkenan menyaksikan pameran mini yang dibahagikan kepada keusahawanan, pekerjaan dan latihan.

Kategori kesukarelawan mempamerkan pameran yang disertai terdiri daripada Indonesia, Filipina, Kemboja, PKBN, Persatuan C.A.R.E, sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Persatuan Kumpulan Bertindak Kemanusiaan Katakh Hijau dan Society for Community Outreach and Training (SCOT).

Baginda berserta anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda juga berkenan bergambar ramai dengan para penerima anugerah.



BACAAN Ikrar Belia diketuai oleh Awangku Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dari Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) dan johan qari belia ASEAN 2011.



BERANGKAT sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



SAMBUTAN Hari Belia Kebangsaan Ke-8 diserikan dengan persembahan 'Belia Menuju Wawasan' oleh lebih 100 belia terdiri dari para pelajar, Persatuan Belia, Kadet Tentera, Kadet Polis, Program Khidmat Bakti Negara, Kadet Bomba dan pelajar dari Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Belia peneraju kepimpinan masa depan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8.

Dari muka 1

Baginda sangat gembira kerana sekolah-sekolah vokasional, baik yang di pihak kerajaan mahupun swasta, telah banyak menawarkan pelbagai bidang kemahiran untuk diteroka oleh para belia.

Namun begitu, tegas baginda, cabaran lain juga sedia menunggu iaitu terdapatnya ketidaksepadanan atau *mismatch* dalam pasaran buruh, dari aspek pembekalan (*supply*) dengan permintaan (*demand*) yang juga banyak menyumbang kepada terjadinya pengangguran.

Kerana itu, baginda menyeru kepada semua pihak yang berkaitan untuk meningkatkan lagi usaha dan strategi dalam kerjasama membangun kapasiti para belia dan menyediakan persekitaran yang kondusif, bagi memperkesakan lagi langkah menangani masalah pengangguran.

Dalam waktu yang sama, titah baginda menekankan, para belia perlu menukar pemikiran (*mindset*) ke arah perubahan sikap, di mana mereka tidak akan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan, dan para belia semestinya lebih bersedia untuk merebut peluang

di sektor swasta dan di bidang keusahawanan.

Di samping itu, baginda tertarik dengan tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini iaitu 'Belia Menuju Wawasan' yang sewajarnya mempunyai jati diri yang kental, berakhlak mulia serta bertanggungjawab dan 'Belia Menuju Wawasan' selayaknya mempunyai sikap dan pendirian yang teguh dalam mendukung semua usaha yang baik.

"Ke arah menuju wawasan negara, golongan belia perlulah peka dengan cabaran-cabaran yang dicituskan oleh keadaan sekeliling, khususnya mereka perlu menyedari, bahawa budaya terlalu suka berseronok adalah berpotensi membawa kepada keruntuhan," tegas baginda.

Selain itu, baginda menekankan bahawa kita sedang bergerak ke arah pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syar'iah dan seterusnya berharap para belia tidak ketinggalan untuk mendukungnya.

"Kewajipan mereka juga termasuk, untuk memahami dan mendalami serta mengetahui pengertian-pengertian yang terkandung di dalamnya. Dengan demikian itu, para belia akan menjadi golongan yang lebih matang" titah

baginda lagi.

Dalam bidang kerja-kerja sukarelawan, baginda sungguh bangga kerana ramai para belia kita terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan, baik di dalam mahupun di luar negara, lebih-lebih lagi Negara Brunei Darussalam telah mempelopori 'ASEAN Young Professional Volunteer Corps' untuk memberikan khidmat kepada masyarakat dalam negara-negara ahli yang memerlukannya.

Budaya sukarelawan itu jelas baginda, sangat elok kerana ia bukan saja dapat meningkatkan perpaduan dan persefahaman, malahan juga boleh mendatangkan pahala.

Baginda berharap semua langkah-langkah yang berkebjakan ini akan terus diperkasakan sehingga mencapai kecemerlangannya.

"Untuk mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia, kerana belialah bakal peneraju kepimpinan di masa akan datang. Merekalah perancang dan penggerak satu-satu pembangunan. Makanya, belia itu menjadi tumpuan dan perhatian dalam perbincangan-perbincangan serantau dan antarabangsa," titah baginda.

UBAH 'MINDSET' DALAM Mencari PEKERJAAN

دتریبیتکن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.